



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

**PROGRAM *WORLD WETLANDS DAY*  
*CELEBRATION 2024***

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**27 JANUARI 2024 (SABTU)  
2.00 PETANG**

**JETI NELAYAN SUNGAI TEMBUS  
PENAGA  
SEBERANG PERAI UTARA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Bersama-sama kita merafakkan rasa syukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah perkenannya kita dapat berkumpul dalam **Program World Wetlands Day Celebration 2024** di Jeti Nelayan Sungai Tembus, Penaga, Seberang Perai Utara anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Sundarajoo a/l Somu, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Perumahan dan Alam Sekitar yang sudi hadir untuk merasmikan **Program World Wetlands Day Celebration 2024** ini.
3. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Dr Nur Munira Azman, Coordinator of Shorebirds peninsular Malaysia Project (SPMP); Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis MBSP; Yang Berusaha Setiausaha Bandaraya MBSP; Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai

Kanan MBSP; Jabatan-Jabatan dan Agensi-Agenzi Kerajaan; warga kerja MBSP; rakan-rakan media; dan warga Seberang Perai secara amnya dan warga Penaga secara khususnya; pengunjung-pengunjung dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada petang ini.

4. Pada 02 Februari setiap tahun, Hari Tanah Lembap Sedunia (World Wetlands Day) disambut untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan memelihara dan memulihara kawasan tanah lembap. Ia sebagai memperingati tarikh penubuhan Konvensyen Ramsar di mana Malaysia telah menyertainya pada 10 Mac 1995.
5. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dengan kerjasama *Canon Marketing (Malaysia) Sdn. Bhd.* dan *Shorebirds Peninsular Malaysia Project* (SPMP) menganjurkan *World Wetlands Day Celebrations 2024* atau dikenali sebagai Sambutan Hari Tanah Lembap Sedunia pada hari ini [27 Januari 2024 (Sabtu)] bermula jam 2.00 petang sehingga 5.00 petang di Jeti Nelayan Sungai Tembus, Penaga, Seberang Perai Utara.

6. Sambutan ini adalah sebagai usaha untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan memelihara dan memulihara tanah lembap (*wetlands*) serta penggunaan tanah lembap secara mampan agar kemandirian ekosistem tanah lembap dapat dikekalkan untuk generasi akan datang. Tanah lembap ini meliputi kawasan-kawasan tanah gambut, paya bakau, sungai, tasik dan pesisiran pantai yang menjadi habitat kepada kepelbagaian sepsis flora dan fauna terutamanya burung yang bermigrasi. Tanah lembap (*wetlands*) adalah sebuah ekosistem yang amat penting dalam kehidupan kita. Ia bertindak sebagai habitat organisma laut, penampang ombak, sumber makanan dan ekonomi masyarakat serta banyak lagi. Namun kawasan ini tidak terlepas daripada aktiviti pembangunan.
  
7. Kawasan Teluk Air Tawar-Kuala Muda, Penaga yang kaya dengan hasil laut dan sumber organism marin telah menjadi faktor utama persinggahan burung pantai hijrah ke lokasi ini. Lokasi yang dianggarkan seluas 600 hektar menjadi tarikan burung pantai hijrah untuk singgah mendapatkan makanan dan menjalani kehidupan di sini mengikut peralihan fasa demi fasa sebelum terbang pulang ke Negara asal mereka.

8. Saya amat berharap dapat sokongan dan kerjasama Kerajaan Negeri, Pusat Pengajian Tinggi, pihak swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan masyarakat awam untuk bersama-sama memainkan peranan dalam melindungi ekosistem tanah lembap di Seberang Perai terutamanya di Kawasan Teluk Air Tawar-Kuala Muda, Penaga.
9. Dalam Program *Wetlands Day* hari ini, pelbagai pengisian menarik akan diadakan termasuklah *boat tour* di laluan burung hijrah Penaga, pelancaran laman web *Shorebirds Malaysia*, taklimat dan ceramah *education & awareness* tentang demonstrasi pemasangan gelang pada kaki burung daripada Jabatan Perhilitan dan sebagainya.
10. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua *stakeholders* dan seluruh komuniti Seberang Perai kerana menyokong semua usaha MBSP selama ini. MBSP amat mengharapkan komitmen dan kerjasama yang berterusan daripada semua pihak untuk pengajuran program-program yang bersifat *people-centric* sejajar dengan Penang2030 dan Hala Tuju Strategik MBSP bagi mencapai **“Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan” atau “Seberang Perai Aspiring City Of Tomorrow”**.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi***

***Wabarakatuh.***